



## **Bintang Walk di Jalan Meldrum Johor Bahru di tukar kepada "Banggang Walk".**

Tak ada apa bezanya antara kepimpinan MBBJ yang lama dengan yang baru. Antara Datuk Johari Suratman mahupun dengan Datuk Wahid Dahlan. Yang jelasnya Majlis Bandaraya Johor Bahru masih lagi ditakuk lama. Seperti pahat dengan penukul, sekali ketuk sekali ia masuk.

Kesungguhan Menteri Besar Johor untuk menjadikan Bandaraya Johor Bahru setanding dengan lain-lain bandaraya di Malaysia amat disanjung. Samada ianya merupakan jangka panjang atau sekadar untuk memenangi hati rakyat menjelang pilihanraya tidak kira apa sandarannya namun hasratnya itu perlu disanjung.

Namun begitu, projek yang menelan belanja jutaan ringgit mengalami kegagalan bukan kerana Kerajaan Negeri tak punyai dana mencukupi tetapi kerana sikap segelintir kontraktor Melayu yang tidak bersungguh-sungguh untuk menjayakan amanah yang diberikannya.

Dalam ucapannya di satu majlis, MBBJ bukan sahaja berang dengan sikap MBBJ tetapi kontraktor yang diberikan tugas tidak melaksanakan dengan baik dan mengikut jadual. Akibatnya berlaku kesesakan jalanraya sepanjang jalan Meldrum. Kesesakan yang bukan sedikit tetapi telah menyulitkan warga kotaraya Johor Bahru. Nama Bintang Walk tiba-tiba telah bertukar kepada "Banggang Walk".

MBBJ sepatutnya membuat kajian mendalam sebelum melaksanakan projek ini dan tidak hanya menjadikan alasan teknikal seperti talian paip, elektrik atau ada harta karun untuk melambat-lambatkan projek berkenaan. Janji-janji manis Datuk Wahid Dahlan sebelum memegang jawatan Datuk Bandar juga dipertikaikan oleh banyak pihak. Janji dan komitmen Datuk Wahid Dahlan hanya tinggal janji sahaja dan semenjak beliau menduduki jawatan Datuk Bandar tak banyak perkara yang telah dilakukan.

Tengok sahaja sampah sarap, longkang tersumbat atau kesesakan lalu-lintas masih lagi di takuk lama dan tidak ada usaha-usaha yang berkesan bagi mengatasi masalah sedemikian.